

## KENYATAAN TENDER

Kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pahang dan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di dalam Gred G5 atau G6 di bawah kategori dan pengkhususan B04 dan CE21** serta masih sah pendaftarannya adalah dipelawa untuk menyertai tender berikut:

### **MEMBINA DAN MENYIAPKAN DENGAN SEMPURNA 15 UNIT KEDAI / PEJABAT 2 TINGKAT DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 108560 (PT85585) PN 7736 DI PAYA TIGA, MUKIM KUALA KUANTAN, DAERAH KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR**

Dokumen Tender berharga **RM 500.00** (tidak dikembalikan) termasuk pelan dan keterangan lanjut boleh didapati pada waktu pejabat. Bayaran untuk Dokumen Tender hendaklah dalam bentuk '**Bank Draft / Money Order**' atas nama '**PASDEC CORPORATION SDN BHD**'. Dokumen Tender akan hanya dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil hendaklah membawa sijil pendaftaran **ASAL** atau salinan yang di akui sah oleh CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor.

Dokumen Tender dijual pada waktu pejabat mulai **26 April 2016 sehingga 6 Mei 2016** di Bahagian Pengurusan Kontrak dan Kos, Pasdec Corporation Sdn Bhd. Dokumen tersebut tidak akan dijual selepas tempoh ini.

Kontraktor adalah digalakkan melawat tapak. Bagi tujuan tersebut, kontraktor boleh hubungi pihak kami untuk maksud tersebut dalam tempoh tender ini ditawarkan.

Dokumen Tender hendaklah beserta Deposit Tender berharga **RM 3,000.00** (dalam bentuk '**Bank Draft / Money Order**' atas nama '**PASDEC CORPORATION SDN BHD**') yang akan dipulangkan kepada kontraktor yang tidak berjaya.

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan dalam sampul surat bermetri dengan ditulis tajuk projek dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti alamat di bawah:

**PENGURUS KANAN PENGURUSAN KONTRAK DAN KOS  
PASDEC HOLDINGS BERHAD**  
**TINGKAT 13, MENARA TERUNTUM,  
JALAN MAHKOTA, 25000 KUANTAN,  
PAHANG DARUL MAKMUR**  
**[www.pasdec.com.my](http://www.pasdec.com.my)**

Pada **10 Mei 2016 bersamaan hari Selasa** tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari.

### **PENGUMUMAN**

Maklumat mengenai pengiklanan tender juga boleh dilihat melalui paparan laman web Pasdec (<http://www.pasdec.com.my>)